



JABATAN PERANGKAAAN  
M A L A Y S I A

## SEKRETARIAT DAN JAWATANKUASA KHAS DOSM MENANGANI COVID-19:

### STATISTIK & INFO-MEDIA (BDA)

BIL 11/2020

RUJUKAN : 2 APRIL 2020



**BANCIO**  
PENDUDUK & PERUMAHAN  
**MALAYSIA 2020**  
DATA ANDA MASA DEPAN KITA  
7 JULAI 2020



[www.dosm.gov.my](http://www.dosm.gov.my)



[www.mycensus.gov.my](http://www.mycensus.gov.my)



# RINGKASAN LIPUTAN BERITA MUTAKHIR WABAK COVID-19 DAN KESAN KEPADA EKONOMI

## 1. PENDAHULUAN

Statistik terkini jangkitan kes baharu penyakit CORONAVIRUS 2019 (COVID-19) di Malaysia meningkat lebih tinggi berbanding catatan peningkatan harian yang direkodkan dalam tempoh seminggu yang lalu. Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) memaklumkan **pada 2 April 2020** sejumlah **208 kes baharu** telah disahkan positif menjadikan jumlah kumulatif jangkitan dalam negara meningkat kepada **3,116 kes dengan 50 kematian**, peningkatan 5 kes berbanding sebelumnya. Sehingga kini, terdapat 7,779 kes yang masih menunggu keputusan sementara **bilangan discaj meningkat kepada 767 kes** atau 24.6 peratus dari jumlah keseluruhan kes. Pertambahan kes positif dalam negara antaranya adalah **menerusi peningkatan di kawasan lembah klang sebanyak 115 kes, Zon Selatan (52) dan wilayah Malaysia Timur (24 kes) dengan sumbangan sebanyak 91.8 peratus** dari jumlah kes baharu. **Selangor mendominasi** keseluruhan kes tertinggi sebanyak **800 kes positif** diikuti WP Kuala Lumpur (488 kes), Johor (395 kes), Sarawak (211) dan Sabah dengan 210 kes seperti pada Jadual 1. Secara umumnya, terdapat 16 daerah di seluruh negara merekodkan jumlah jangkitan melebihi 44 kes manakala sebanyak 31 daerah yang sebahagian besarnya di Sabah dan Sarawak masih mengekalkan rekod tanpa kes positif sehingga 1 April 2020.

Sementara itu, **jumlah terkini jangkitan COVID-19 di seluruh dunia** telah mencecah **angka hampir satu juta kes iaitu 932,813** dengan **jumlah kumulatif kematian 46,814**. Kes positif di **Amerika Syarikat telah melepasi 200,000 kes** apabila pada 2 April 2020 jangkitan wabak ini telah meningkat kepada 213,372 diikuti Itali dengan 110,574 manakala Sepanyol melonjak 104,118 kes. China yang merupakan tempat bermulanya pandemik global ini, menunjukkan trend peningkatan yang semakin perlahan dengan merekodkan hanya 82 kes positif harian menjadikan jumlah keseluruhan sebanyak 82,361 kes. Selain itu, **Itali mendominasi statistik bilangan kematian tertinggi iaitu 13,155 kematian** dan turut merupakan negara yang mempunyai **kadar peratusan kematian tertinggi** (berbanding jumlah kes positif) **diikuti Indonesia dan Sepanyol**. Kadar kematian peringkat global dicatatkan pada 5.02 peratus manakala kadar kes sembuh adalah 20.72 peratus atau 193,299 kes seperti pada jadual 2.

**Kajian daripada Bank Dunia** menyatakan pandemik COVID-19 telah mengakibatkan 'kejutan global' yang akan **menghentikan pertumbuhan dan meningkatkan kemiskinan** ke seluruh rantau Asia Timur dan Pasifik. Kenyataan ini diasaskan dari keruntuhan ekonomi yang akan memberi impak kepada **ekonomi China yang diramal tidak berkembang pada tahun 2020**. Prestasi suram ini dicerminkan menerusi penguncupan terbesar aktiviti pembuatan pada Februari dengan pengeluaran industri merosot buat kali pertama dalam tempoh 30 tahun. Hasil daripada **kajian IHS Markit**, dikebanyakan **negara serantau ini mengalami kejatuhan Indeks Pengurus Pembelian (PMI) di bawah 50 mata** antaranya adalah Indeks Jibun Bank Jepun pada 44.8 mata dan PMI Korea Selatan 44.2 mata. Di peringkat ASEAN, Malaysia mencatatkan indeks PMI 48.4 mata dipengaruhi oleh gangguan rantaian bekalan global dan permintaan, Singapura 27.7 mata, Filipina merosot kepada 39.7 mata manakala Vietnam susut kepada 41.9 mata. Statistik ini mencerminkan situasi ekonomi terutama dari sektor pembuatan yang semakin menurun. Di Malaysia, bagi membendung keresahan rakyat yang mengalami kekurangan penjana pendapatan, kerajaan memperkenalkan Pakej Rangsangan Ekonomi PRIHATIN untuk membantu mengurangkan beban rakyat dan pemilik perniagaan dalam mengharungi cabaran ekonomi yang sukar ini.

Beberapa petikan perkongsian *headlines* pasaran ekonomi daripada *Public Invest Daily* dan sumber lain memberikan butiran berikut;

**AS:** *Institute for Supply Manage (ISM)* melaporkan **aktiviti pembuatan AS menyusut pada Mac 2020**. Indeks PMI turun kepada 49.1 berbanding 50.1 yang dicatatkan pada Februari 2020. **Penurunan ini didorong Indeks Pesanan Baharu yang mencatatkan paras terendah semenjak Mac 2009 iaitu 42.2** pada Mac 2020 berbanding 49.8 pada bulan sebelumnya. Selain itu, komponen lain seperti Indeks Pengeluaran, dan Indeks Pekerjaan masing-masing turun kepada 47.7 dan 43.8.

**AS:** *ADP National Employment Report* menunjukkan **penurunan guna tenaga swasta akibat peningkatan kes pemberhentian pekerja** oleh syarikat kecil yang terkesan dari penularan COVID-19. ADP menyatakan, sejumlah 27,000 pekerja hilang pekerjaan pada Mac.

**EU:** Kadar pengangguran Eropah pada Mac 2020 turun kepada 7.3 peratus, dan merupakan kadar pengangguran terendah dicatatkan semenjak Mac 2008. Pada masa yang sama, pengangguran Kesatuan Eropah (EU) kekal 6.5 peratus seperti yang dicatatkan pada bulan sebelumnya. **Eurostats menganggarkan 13.894 juta tenaga buruh menganggur di Eropah dengan 12.047 juta adalah dikalangan negara-negara EU.** (Eurostats news release)

**UK:** Kajian dari IHS Markit merumuskan **aktiviti sektor Pembuatan UK menyusut apabila indeks yang dikeluarkan PMI turun kepada 47.8 pada Mac 2020** berbanding 51.7 pada bulan sebelumnya. Pengilang menyatakan, kejatuhan dalam output dan pesanan terjejas daripada penularan COVID-19, aras keyakinan pasaran yang rendah dan penutupan syarikat.

## PASARAN SAHAM

Bursa Malaysia dibuka rendah pada 2 April 2020 sejajar dengan prestasi Dow Jones Industrial Average (DJIA) yang melemah pada hari sebelumnya. Pasaran saham DJIA AS ditutup lebih rendah apabila menyusut 970 mata, atau -4.44% kepada 20,944. Sementara itu, papan-papan bursa saham AS yang lain turut lemah apabila S&P 500 menyusut 114 mata (-4.41%) kepada 2,470.5 dan Nasdaq Composite Index turun 340 mata (-4.41%) kepada 7,360.

Di rantau Asia, sebahagian pasaran saham utama Asia ditutup lebih tinggi pada hari ini (2 April 2020). FBM KLCI meningkat 0.62%, Hang Seng (Hong Kong) ditutup 0.84% lebih tinggi, SCI (China) naik 1.69%, STI (Singapura) naik 0.52%, IDX (Indonesia) naik 1.47% dan KOSPI (Korea Selatan) meningkat 2.34%. Manakala, Nikkei 225 (Jepun) menyusut -1.37% lebih rendah.

## 2. PENEMUAN UTAMA PETIKAN AKHBAR

1. **Pasaran saham Asia terjejas** akibat daripada berita kes wabak COVID-19 di **Amerika Syarikat yang semakin meningkat dan juga kebimbangan bahawa kemerosotan ekonomi** akan berlanjutan untuk jangka masa yang lebih panjang.
2. **World Bank mengunjurkan pertumbuhan ekonomi Malaysia** menurun kepada **negatif 0.1 peratus (base case)** dan **negatif 4.6 peratus (lower-case)** bagi tahun 2020.
3. **Permintaan minyak di seluruh dunia dijangka** akan mengalami **kejatuhan sebanyak 20% ke 30%** pada bulan **April dan akan terjejas selagi mana virus** tersebut masih menular dengan limitasi pergerakan kenderaan dan kapal terbang.
4. **Eksport Malaysia dijangka melonjak 16.3 peratus pada Februari 2020** (Januari: -1.5 peratus) yang didorong oleh kesan asas rendah dan *front-loading orders*. **Import juga dijangka meningkat** bagi Februari pada **kadar perlahan 1.4 peratus** (Januari: -2.4 peratus) yang membawa kepada **lebih dagangan sebanyak RM21.2 bilion**.
5. **Kerajaan memperuntukkan RM500 juta bagi pelaksanaan diskaun bil elektrik secara berperingkat selama 6 bulan** bermula April menerusi inisiatif PRIHATIN.
6. **RHB Research Institute Sdn Bhd (RHB Research)** menjangkakan **sektor pembinaan akan mencatatkan pertumbuhan sifar**, meneruskan pertumbuhan sederhana 0.1 peratus pada 2019.

7. **Malaysia mempunyai kira-kira empat juta pekerja asing**, yang mana hanya **kira-kira 1.7 juta didokumenkan**. Mereka dijangka mendapat sekurang-kurangnya upah minimum, yang telah meningkat kepada RM 1,100 sebulan pada Januari tahun lepas.
8. **Inisiatif membantu rakyat** diteruskan oleh **Kerajaan Negeri Sarawak** dimana seramai **430,000 rakyat Sarawak** yang tergolong dalam kelompok B40 akan menerima bantuan tunai **bulanan sebanyak RM250 untuk tempoh enam bulan**.
9. Kesan Covid-19 pada **rantaian bekalan telah meluas** di seluruh dunia dengan **sektor automotif, elektronik, barang modal, komoditi dan pakaian** yang mengalami **kelembapan penjualan**.
10. **Lazada mengambil tiga inisiatif** termasuk menyediakan platform untuk usahawan pertanian. **Cameron Farmers, MyFishman dan Mymarket2u** merupakan platform yang dibangunkan. Selain itu, platform **digital e-Petani**, turut dibangunkan bagi peniaga **memasarkan hasil tanaman** mereka secara dalam talian.
11. **AEON Retail (Malaysia) menawarkan pengecualian bayaran sewa** selama **28 hari** iaitu dari 18 Mac hingga 14 April 2020 kepada rakan penyewa **yang tidak dapat beroperasi sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP)**.
12. AirAsia Group Bhd dalam perbincangan bersama kerajaan untuk **mendapatkan pinjaman bagi syarikat penerbangan tambang murah untuk menyokong kedudukan kewangan terkini** dalam persekitaran operasi yang mencabar semenjak pemberhentian operasi penerbangan sepanjang tempoh PKP.
13. **Industri aeroangkasa tempatan menggesa kerajaan untuk membenarkan operasi** selepas 14 hari penutupan disebabkan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) bagi mengelakkan gangguan kepada rantai bekalan global.

<b>A. Bahagian Perangkaan Akaun Negara (DOSM)</b>			
<b>Bil</b>	<b>Akhbar</b>	<b>Ringkasan</b>	<b>Pautan</b>
1.	<b>Berita Harian</b>	<p><b>COVID-19: Wujudkan platform e-Petani bantu pekebun pasarkan hasil</b></p> <p>Keprihatinan terhadap nasib peniaga tempatan khususnya pekebun dan petani yang terkesan akibat COVID-19 mendorong menyediakan inisiatif dalam mewujudkan platform digital menjual hasil tanaman secara terus kepada pembeli pada harga asal. Platform yang dinamakan e-petani ini dapat memudahkan urusan penjualan dan pembelian bagi petani dan orang ramai.</p>	<a href="https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2020/04/672128/covid-19-wujudkan-platform-e-petani-bantu-pekebun-pasarkan-hasil">https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2020/04/672128/covid-19-wujudkan-platform-e-petani-bantu-pekebun-pasarkan-hasil</a>
2.	<b>Berita Harian</b>	<p><b>430,000 rakyat Sarawak terima bantuan tunai</b></p> <p>Seramai 430,000 rakyat Sarawak yang tergolong dalam kelompok B40 akan menerima bantuan tunai bulanan sebanyak RM250 untuk tempoh enam bulan daripada kerajaan negeri bagi meringankan beban golongan itu yang terkesan akibat wabak COVID-19. Penerima bantuan itu adalah berdasarkan senarai penerima Bantuan Sara Hidup (BSH) pada Januari 2020 yang diluluskan oleh Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN)</p>	<a href="https://www.bharian.com.my/berita/wilayah/2020/04/672100/430000-rakyat-sarawak-terima-bantuan-tunai">https://www.bharian.com.my/berita/wilayah/2020/04/672100/430000-rakyat-sarawak-terima-bantuan-tunai</a>
3.	<b>Berita Harian</b>	<p><b>Tontonan platform Media Prima, NSTP meningkat sepanjang PKP</b></p> <p>Lanjutan tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) sehingga 14 April ini</p>	<a href="https://www.bharian.com.my/bisnes/korporat/2020/04/671876/tontonan-platform-media-prima-nstp-meningkat-sepanjang-pkp">https://www.bharian.com.my/bisnes/korporat/2020/04/671876/tontonan-platform-media-prima-nstp-meningkat-sepanjang-pkp</a>

		<p>menyaksikan peningkatan drastik saluran YouTube Media Prima dan laman berita NSTP.</p> <p>Laporan dari Malaysian Digital Association (MDA) yang dihasilkan oleh SimilarWeb, jumlah pelawat ke perkhidmatan video streaming tempatan oleh kumpulan Media Prima, Tonton (tonton.com.my) telah meningkat sebanyak 232 peratus dalam trafik berjujukan berbanding perkhidmatan antarabangsa Netflix yang mencatat kenaikan sebanyak 195 peratus pada minggu ketiga bulan Mac.</p>	
4.	<b>The Edge</b>	<p><b>One-off payment of RM600 for taxi drivers, tour guides tomorrow</b></p> <p>A one-off payment of RM600 each to registered taxi drivers and tour guides will be deposited into their registered accounts starting tomorrow. The payments were made due to the Government's concern on the impact of the COVID-19 pandemic on people of every walk of life, especially those in the tourism-based industry.</p>	<p><a href="https://www.theedgemarkets.com/article/oneoff-payment-rm600-taxi-drivers-tour-guides-tomorrow">https://www.theedgemarkets.com/article/oneoff-payment-rm600-taxi-drivers-tour-guides-tomorrow</a></p>
5.	<b>The Edge</b>	<p><b>Cover Story: Supply chain woes hit local industries</b></p> <p>The impact of Covid-19 on the supply chain has been widespread globally, with the automotive, electronics, capital goods, commodity and apparel sectors experiencing a</p>	<p><a href="https://www.theedgemarkets.com/article/cover-story-supply-chain-woes-hit-local-industries">https://www.theedgemarkets.com/article/cover-story-supply-chain-woes-hit-local-industries</a></p>

		<p>slowdown in sales and availability of parts.</p> <p>This is reflected in the plunge of the global manufacturing Purchasing Managers' Index (PMI) to the low levels of the 2008/09 global financial crisis. The global PMI hit 47.2 points last month, falling from 50.4 points in January, weighed down by China as the country battled the disruption wrought by Covid-19 in manufacturing activity and the supply chain.</p>	
<p>Penemuan penting &amp; isu:</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Platform digital e-Petani, turut dibangunkan bagi peniaga memasarkan hasil tanaman mereka secara dalam talian.</li> <li>2. Inisiatif membantu rakyat diteruskan oleh Kerajaan Negeri Sarawak dimana seramai 430,000 rakyat Sarawak yang tergolong dalam kelompok B40 akan menerima bantuan tunai bulanan sebanyak RM250 untuk tempoh enam bulan.</li> <li>3. Jumlah pelawat ke perkhidmatan video streaming tempatan oleh kumpulan Media Prima, Tonton (tonton.com.my) telah meningkat sebanyak 232 peratus.</li> <li>4. Kesan Covid-19 pada rantai bekalan telah meluas di seluruh dunia dengan sektor automotif, elektronik, barang modal, komoditi dan pakaian yang mengalami kelembapan penjualan.</li> </ol>			
<p>Maklumbalas Bahagian:</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Inisiatif pewujudan pelbagai platform digital untuk pemasaran bekalan pertanian dan keperluan asas akan meningkatkan sumbangan e-dagang kepada ekonomi Malaysia.</li> <li>2. Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) juga meningkatkan penggunaan perkhidmatan <i>video streaming</i> tempatan yang akan memberi kesan positif kepada sektor Teknologi Maklumat.</li> <li>3. Perbelanjaan Kerajaan Negeri Sarawak dan Kerajaan persekutuan kepada pemandu teksi dan pemandu pelancong yang berbentuk transfer dijangka dapat membantu kumpulan sasaran menghadapi PKP1 dan PKP2.</li> <li>4. Covid-19 telah memberi kesan kepada rantai bekalan dunia. <i>Purchasing Managers' Index</i> (PMI) dunia telah jatuh kepada 47.2 mata pada bulan Februari dari 50.4 mata pada Januari 2020. Faktor ini dijangka mempengaruhi pertumbuhan ekonomi terutamanya bagi eksport dan import.</li> </ol>			



<b>B. Bahagian Perangkaan Perkhidmatan (DOSM)</b>			
<b>Bil</b>	<b>Akhbar</b>	<b>Ringkasan</b>	<b>Pautan</b>
<b>A. Subsektor Perdagangan Borong &amp; Runcit</b>			
1.	<b>FMT News</b>	<p><b>Kedah batal bazar Ramadan, jualan Aidilfitri</b></p> <p>Pembayaran deposit bagi sewa tapak atau gerai akan dipulangkan semula oleh pihak berkuasa tempatan ekoran pembatalan bazar Ramadan dan jualan sempena perayaan Aidilfitri di Kedah akibat penularan Covid-19.</p>	<a href="https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/2020/04/02/ke-dah-batal-bazar-ramadan-jualan-aidilfitri/">https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/2020/04/02/ke-dah-batal-bazar-ramadan-jualan-aidilfitri/</a>
2.	<b>Berita Harian</b>	<p><b>AEON kecualikan bayaran sewa sepanjang PKP</b></p> <p>AEON Retail (Malaysia) menawarkan pengecualian bayaran sewa selama 28 hari iaitu dari 18 Mac hingga 14 April 2020 kepada rakan penyewa yang tidak dapat beroperasi sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).</p> <p>Pengecualian sewa itu akan dikuatkuasakan di semua 28 AEON Malls dan 18 AEON BiG Mall Hypermarket miliknya di seluruh negara.</p>	<a href="https://www.bharian.com.my/bisnes/korporat/2020/04/672240/aeon-kecualikan-bayaran-sewa-sepanjang-pkp">https://www.bharian.com.my/bisnes/korporat/2020/04/672240/aeon-kecualikan-bayaran-sewa-sepanjang-pkp</a>
<b>B. Subsektor Pengangkutan &amp; Penyimpanan</b>			
3.	<b>Berita Harian</b>	<p><b>Pos Laju, Shopee memudahkan pembeli semasa PKP</b></p> <p>Pos Laju, cabang kurier Pos Malaysia Bhd dan platform e-dagang Shopee melancarkan kempen "Stay Home Essential" yang akan berlangsung mulai 3 hingga 25 April 2020</p>	<a href="https://www.bharian.com.my/bisnes/korporat/2020/04/672178/pos-laju-shopee-mudahkan-pembeli-semasa-pkp">https://www.bharian.com.my/bisnes/korporat/2020/04/672178/pos-laju-shopee-mudahkan-pembeli-semasa-pkp</a>

		<p>membabitkan lebih 20,000 produk merangkumi barang runcit, barangan bayi dan kanak-kanak, minuman dan barangan kegunaan isi rumah.</p> <p>Pos Laju menawarkan “Essential Vouchers” harian bernilai RM5 dan RM10 yang layak bagi pembelian minimum serendah RM15 bagi setiap barangan di bawah kempen ini.</p>	
<b>C. Subsektor Kesihatan Swasta</b>			
4.	<b>Berita Harian</b>	<p><b>COVID-19: Ramsay Sime Darby Health Care sumbang 4 ventilator</b></p> <p>Sumbangan 4 ventilator adalah sebahagian daripada komitmen Ramsay Sime Darby Health Care (RSDH) untuk bekerjasama dengan sektor kesihatan awam.</p> <p>Semua kemudahan di bawah RSDH, iaitu Pusat Perubatan Subang Jaya, Pusat Perubatan Ara Damansara dan Pusat Perubatan ParkCity kini menyediakan Ujian Swab Hidung dan Kerongkong Covid-19 bagi mereka yang mempunyai gejala.</p>	<p><a href="https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2020/04/672065/covid-19-ramsay-sime-darby-health-care-sumbang-4-ventilator">https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2020/04/672065/covid-19-ramsay-sime-darby-health-care-sumbang-4-ventilator</a></p>
5.	<b>Harian Metro</b>	<p><b>'Online appointment' untuk ujian saringan Covid-19</b></p> <p>Kementerian Kesihatan Malaysia menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) dengan empat syarikat perkhidmatan kesihatan dalam talian bagi inisiatif sistem Online Appointment dan Webinar for Covid-19.</p>	<p><a href="https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2020/04/561420/online-appointment-untuk-ujian-saringan-covid-19">https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2020/04/561420/online-appointment-untuk-ujian-saringan-covid-19</a></p>

		<p>Sistem Online Appointment ini membabitkan kolaborasi antara KKM dengan Queued, EncoreMed, Bookdoc dan Doctoroncall.</p> <p>Kedua-dua inisiatif baharu ini dilaksanakan tanpa sebarang kos kepada pihak kerajaan. Inisiatif ini adalah tanggungjawab sosial korporat (CSR) daripada semua syarikat terbabit untuk tempoh tiga bulan dan orang awam boleh mendapatkan maklumat berkaitan melalui portal KKM (moh.gov.my) dan syarikat masing-masing.</p>	
<b>D. Subsektor Hartanah</b>			
6.	<b>The Malaysian Reserve</b>	<p><b>Real estate agents to invest more in marketing to foreign buyers</b></p> <p>The Global Coronavirus Agent Survey, which received responses from more than 822 real estate agents in 60 countries, revealed that 22% of agents in Malaysia will increase their investment in marketing to foreign buyers.</p> <p>From the study, about 31% of Malaysian agents said foreign buyer activity has fallen significantly due to the rapid spread of Covid-19.</p>	<p><a href="https://themalaysianreserve.com/2020/04/02/real-estate-agents-to-invest-more-in-marketing-to-foreign-buyers/">https://themalaysianreserve.com/2020/04/02/real-estate-agents-to-invest-more-in-marketing-to-foreign-buyers/</a></p>
<b>E. Subsektor Pentadbiran Khidmat &amp; Sokongan</b>			
7.	<b>The Sun Daily</b>	<p><b>Financial aid for taxi drivers, tour guides starts today</b></p> <p>A one-off payment of RM600 each to registered taxi drivers</p>	<p><a href="https://www.thesundaily.my/local/financial-aid-for-taxi-drivers-tour-guides-starts-today-BE2204425">https://www.thesundaily.my/local/financial-aid-for-taxi-drivers-tour-guides-starts-today-BE2204425</a></p>

		and tour guides will be deposited into their registered account starting today.	
<b>F. Subsektor Perkhidmatan Persendirian dan Lain-lain Aktiviti</b>			
8.	<b>The Star</b>	<p><b>Nirvana handles last rites with dignity for Covid-19 victim</b></p> <p>Nirvana Asia Group was entrusted by the Health Ministry in compliance with overall safety standards to professionally handle the final rites of a patient who died of Covid-19.</p>	<a href="https://www.thestar.com.my/news/nation/2020/04/02/nirvana-handles-last-rites-with-dignity-for-covid-19-victim">https://www.thestar.com.my/news/nation/2020/04/02/nirvana-handles-last-rites-with-dignity-for-covid-19-victim</a>
<p>Penemuan penting &amp; isu:</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Kerajaan Negeri Kedah telah membatalkan penganjuran bazar Ramadhan dan jualan sempena hari raya berikutan Covid-19.</li> <li>2. AEON Retail (Malaysia) menawarkan pengecualian bayaran sewa selama 28 hari iaitu dari 18 Mac hingga 14 April 2020 kepada rakan penyewa yang tidak dapat beroperasi sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).</li> <li>3. Pos Malaysia akan melancarkan kempen "<i>Stay Home Essentials</i>" yang menggunakan perkhidmatan Pos Laju melalui platform e-dagang Shopee pada 3 hingga 25 April 2020.</li> <li>4. Pemandu teksi serta pemandu pelancong yang berdaftar telah mula menerima bayaran on off sebanyak RM 600.</li> <li>5. Pengkebumian mangsa Covid 19 bukan Islam akan diuruskan oleh Nirvana Asia Group.</li> </ol>			
<p>Maklumbalas Bahagian:</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Arahan kerajaan negeri untuk peniaga tidak membuka kedai atau gerai sepanjang bulan ramadhan akan menjejaskan industri perdagangan runcit.</li> <li>2. Jualan secara atas talian terutamanya bagi industri runcit dijangka berkembang positif kesan dari pelaksanaan PKP.</li> <li>3. Kempen "<i>Stay Home Essentials</i>" yang ditawarkan oleh Pos Malaysia Berhad akan memberi impak positif terhadap aktiviti Pos dan Kurier.</li> </ol>			
<b>C. Bahagian Perangkaan Perdagangan Antarabangsa (DOSM)</b>			
<b>Bil</b>	<b>Akhbar</b>	<b>Ringkasan</b>	<b>Pautan</b>
1.	<b>The Star</b>	<p><b>Sabah govt urged to grant special permission for shipment exports</b></p>	<a href="https://www.nst.com.my/news/nation/2020/04/580708/sa">https://www.nst.com.my/news/nation/2020/04/580708/sa</a>

	<p>The Sabah Timber Industries Association (STIA) has called on the state government to allow ready shipments to be exported during the Movement Control Order (MCO) period.</p> <p>Its president Chua Yeong Perng said selected factories with expiring adhesives should also be given restricted production days in order to utilise their adhesive stock to avoid massive disposal problems.</p> <p>Shipment of ready goods, controlled movement of perishable raw material (felled logs) and systematic re-starting of manufacturing will go a long way in improving the industry's ability to maintain and pay its workforce.</p> <p>STIA estimates that there are approximately 120 containers worth about RM10 million of products at port and at various factory locations that have been held back.</p> <p>There are approximately 100,000 -120,000 m3 (cubic metres) of felled logs, valued at between RM35 million and RM45 million, currently sitting idle due to the MCO.</p> <p>He said the value and quality of the logs continue to deteriorate each week, adding they expect these felled logs would have lost about 20 per cent of its inherent value.</p>	<p><a href="#">bah-govt-urged-grant-special-permission-shipment-exports</a></p>
--	--	---

2.	<p><b>Berita Harian</b></p>	<p><b>Harga minyak dunia meningkat</b></p> <p>Harga minyak mencatatkan peningkatan dalam dagangan Asia hari ini apabila pasaran meletakkan harapan campuran Amerika Syarikat (AS) untuk menamatkan perang harga antara Arab Saudi dan Russia</p> <p>Penganalisis bagaimanapun berkata, pasaran masih tertekan dengan permintaan yang rendah kerana penutupan perniagaan, sekatan perjalanan udara dan langkah penjarakkan sosial bagi membendung penularan COVID-19.</p> <p>Kontrak minyak mentah Amerika Syarikat (AS), West Texas Intermediate (WTI) didagangkan 7.14 peratus lebih tinggi pada AS\$21.76 setong.</p> <p>Kontrak penanda aras antarabangsa, Brent pula naik 8.21 peratus kepada AS\$26.77 setong.</p> <p>Kedua-dua penanda aras itu jatuh ke paras terendah dalam tempoh 18 tahun pada Isnin, dengan WTI secara ringkas turun di bawah AS\$20 setong.</p> <p>Harga minyak lebih tinggi selepas laporan Presiden AS, Donald Trump akan mengadakan perbincangan meja bulat dengan eksekutif minyak utama Negara.</p>	<p><a href="https://www.bharian.com.my/bisnes/lain-lain/2020/04/672273/harga-minyak-dunia-meningkat">https://www.bharian.com.my/bisnes/lain-lain/2020/04/672273/harga-minyak-dunia-meningkat</a></p>
----	-----------------------------	--	--

3.	Bernama	<p><b>COVID-19: Association urges govt to prioritise food security</b></p> <p>The Malaysia Dry Foodstuff Importers and Exporters Association (MDFIEA) has urged the government to prioritise domestic food supply security in order to ensure adequate food supply nationwide.</p> <p>Its chairman Datuk Seri Chuah Poh Kiang said preparations should be made as the COVID-19 pandemic might cause disruption to the global food supply and production chain as most countries may inevitably restrict food exports.</p> <p>“The government’s top priority now is to enhance the efficiency of food import and act fast to formulate necessary measures, to ensure our domestic food supply will not be interrupted in the short to medium term,” he said in a statement today.</p> <p>Chuah pointed out several necessary steps to ensure the sustainability of the food supply chain by identifying supply list based on consumers’ demands, including prioritising importation and production of staple foods that are in strong demand.</p>	<p><a href="https://www.bernama.com/en/general/news.php?id=1827960">https://www.bernama.com/en/general/news.php?id=1827960</a></p>
----	---------	--	--

Penemuan penting & isu:

1. Persatuan Industri Kayu Sabah (STIA) menyeru kerajaan negeri supaya membenarkan penghantaran siap stok barangan dieksport semasa tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP). STIA mengangggarkan terdapat kira-

kira 120 kontena bernilai kira-kira RM10 juta produk di pelabuhan dan di pelbagai lokasi kilang terkandas. Manakala terdapat kira-kira 100,000-120,000 m<sup>3</sup> (meter padu) kayu yang telah ditebang, bernilai antara RM35 juta dan RM45 juta. Nilai dan kualiti kayu balak terus merosot setiap minggu dan dijangka kayu yang ditebang ini akan kehilangan kira-kira 20 peratus daripada nilai sedia ada.

2. Harga minyak mencatatkan peningkatan hari ini apabila Amerika Syarikat campur tangan untuk menamatkan perang harga antara Arab Saudi dan Russia. Namun pasaran masih tertekan dengan permintaan yang rendah kerana penutupan perniagaan, sekatan perjalanan udara dan langkah penjarakkan sosial bagi membendung penularan COVID-19. Kontrak minyak mentah Amerika Syarikat (AS), West Texas Intermediate (WTI) didagangkan 7.14 peratus lebih tinggi pada AS\$21.76 setong. Kontrak penanda aras antarabangsa, Brent pula naik 8.21 peratus kepada AS\$26.77 setong. Kedua-dua penanda aras itu jatuh ke paras terendah dalam tempoh 18 tahun pada Isnin, dengan WTI secara ringkas turun di bawah AS\$20 setong.
3. Persatuan Pengimport dan Pengeksport Makanan Kering Malaysia (MDFIEA) menggesa kerajaan memastikan bekalan makanan yang mencukupi dengan meningkatkan kecekapan import makanan berkeprluan tinggi dan bertindak cepat untuk merumuskan langkah-langkah yang perlu berikutan pandemik COVID-19 mungkin menyebabkan gangguan kepada bekalan makanan dan rangkaian pengeluaran global kerana kebanyakan negara tidak dapat mengelak sekatan eksport makanan.

#### Maklumbalas Bahagian:

1. Malaysia merupakan pengeksport bersih kayu dan hasil keluaran kayu. Nilai eksport bagi kayu dan hasil keluaran kayu (HS Code: 44) pada tahun 2019 mencecah RM12.5 bilion. Tiga negara destinasi utama eksport Malaysia pada tahun 2019 ialah Jepun (RM2.8 bilion – 22.8%), India (RM1.0 bilion – 8.2%) dan Amerika Syarikat (RM812.7 juta – 6.5%). Nilai eksport bagi kayu dan hasil keluaran kayu dijangka merosot pada tahun 2020 disebabkan kawalan pergerakan dan permintaan yang lemah susulan penularan wabak Covid-19 di seluruh dunia.
2. Pada tahun 2019, nilai eksport petroleum mentah dan produk petroleum bertapis mencecah RM90.9 bilion dengan sumbangan kepada keseluruhan eksport sebanyak 9.2%. Tiga Negara destinasi utama adalah Singapura (RM21.1 bilion – 23.2%), Australia (RM11.8 bilion – 13.0%) dan India (RM8.0 bilion – 8.8%). Jumlah dagangan bagi petroleum mentah dan produk petroleum bertapis dijangka merosot pada tahun 2020 berikutan harga rendah dan permintaan dunia yang lemah akibat penularan covid19.
3. Statistik import eksport bagi bulan Februari oleh Jabatan Perangkaan Malaysia (Penerbitan Perangkaan Perdagangan Luar Negeri bulan Februari) akan diterbitkan pada 3 April 2020.



4. Antara import bagi barang makanan utama pada 2019 iaitu gula (RM2.3 bilion), beras (RM1.9 bilion), daging lembu (RM1.9 bilion), bawang (RM688.9 juta) dan tepung (RM264.7 juta).
5. BPPA akan terus memantau dan mengkaji trend import dan eksport bagi produk yang berkaitan ketika penularan wabak Covid-19.

**D. Bahagian Perangkaan Pengeluaran Industri dan Binaan (DOSM)**

Bil	Akhbar	Ringkasan	Pautan
1.	<b>The Edge</b>	<p><b>Double-digit profit margins seen from face mask ops for SCGM</b></p> <p>With a relatively small capital expenditure (capex) of RM1 million, production of the face shields and face masks can potentially generate up to RM4 million in sales per month despite the manufacturing plant only operating at a maximum utilisation level of 50% during the movement control order (MCO) period. Meanwhile, the company is likely to see huge savings from resin costs in the coming months given the current low oil prices, which will further translate into margin expansion for the group.</p>	<a href="https://www.theedge.com.my/articles/doubledigit-profit-margins-seen-face-mask-ops-scgm">https://www.theedge.com.my/articles/doubledigit-profit-margins-seen-face-mask-ops-scgm</a>
2.	<b>The Edge</b>	<p><b>U.S. crude, gasoline stockpiles surge, fuel demand slumps on growing pandemic</b></p> <p>Worldwide, fuel demand is expected to fall by 20% to 30% in April and remain impaired as long as the virus is keeping motorists off the road and planes grounded. U.S. gasoline demand fell by the most ever in one week, with products supplied, a proxy for demand,</p>	<a href="https://www.theedge.com.my/articles/us-crude-gasoline-stockpiles-surge-fuel-demand-slumps-growing-pandemic">https://www.theedge.com.my/articles/us-crude-gasoline-stockpiles-surge-fuel-demand-slumps-growing-pandemic</a>

		dropping by 2.2 million barrels per day to 6.7 million bpd.	
3.	<b>News Strait Times</b>	<b>Practise power conservation at home during MCO</b>  National energy provider, Tenaga Nasional Berhad (TNB) has urged users to be mindful when using electricity during the Movement Control Order (MCO).	<a href="https://www.nst.com.my/news/nation/2020/04/580256/practise-power-conservation-home-during-mco">https://www.nst.com.my/news/nation/2020/04/580256/practise-power-conservation-home-during-mco</a>
4.	<b>Berita Harian</b>	<b>Pengguna tak perlu bimbang bil elektrik meningkat.</b>  Seramai 3.3 juta pengguna di seluruh negara akan menerima manfaat diskaun elektrik 15-50% menerusi inisiatif Pakej Rangsangan Ekonomi Prihatin Rakyat (PRIHATIN).	<a href="https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2020/04/671710/covid-19-pengguna-tak-perlu-bimbang-bil-elektrik-meningkat">https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2020/04/671710/covid-19-pengguna-tak-perlu-bimbang-bil-elektrik-meningkat</a>
5.	<b>Borneo Post Online</b>	<b>Analyst: Sarawak a bright spot amidst lacklustre construction sentiment</b>  Kenanga Investment Bank Bhd (Kenanga Research) suggested investors to adopt a "Look East" strategy within construction stocks, as fewer sizeable job opportunities in Peninsular Malaysia will make it challenging for contractors to replenish their orderbooks going forward.	<a href="https://www.theborneopost.com/2020/04/02/analyst-sarawak-a-bright-spot-amidst-lacklustre-construction-sentiment/">https://www.theborneopost.com/2020/04/02/analyst-sarawak-a-bright-spot-amidst-lacklustre-construction-sentiment/</a>
6.	<b>The Malaysian Reserve</b>	<b>M'sia denies expulsion of migrant workers</b>  FOREIGN Affairs Minister Datuk Seri Hishamuddin Hussein yesterday denied	<a href="https://themalaysianreserve.com/2020/04/02/msia-denies-expulsion-of-migrant-workers/">https://themalaysianreserve.com/2020/04/02/msia-denies-expulsion-of-migrant-workers/</a>

		allegations that thousands of migrant workers from Indonesia had been forced to leave the country during the Movement Control Order (MCO) period.	
--	--	---	--

**Penemuan penting & isu:**

1. Sejak Februari 2020, SCGM telah memperuntukkan RM1 Juta dalam Perbelanjaan Modal (CAPEX) untuk pembelian 5 mesin baru ultrasonic sealing machines for face shields and 1 mesin baru untuk topeng muka. Mesin pelindung muka boleh mengeluarkan sehingga 21,000 unit/sehari sementara mesin topeng muka yang dijangka akan tiba pada pertengahan April ini, mempunyai kapasiti untuk menghasilkan 50,000 keping/hari.
2. SCGM juga tidak menghadapi masalah tentang bekalan mentah (resin) memandangkan pengeluaran resin adalah tertakluk di bawah *essential services*. Walau bagaimanapun, ia mempunyai sedikit masalah tentang logistic disebabkan PKP.
3. Permintaan minyak di seluruh dunia dijangka akan mengalami kejatuhan sebanyak 20% ke 30% pada bulan April dan akan terjejas selagi mana virus tersebut masih menular dengan limitasi pergerakan kenderaan dan kapal terbang.
4. TNB menjangkakan peningkatan penggunaan elektrik bagi pengguna di rumah kediaman berikutan Perintah Kawalan Pergerakan dilanjutkan sehingga 14 April buat masa ini.
5. Kerajaan memperuntukkan RM500 juta bagi pelaksanaan diskaun bil elektrik secara berperingkat selama 6 bulan bermula April menerusi inisiatif PRIHATIN.
6. RHB Research Institute Sdn Bhd (RHB Research) berkata sektor pembinaan dijangka mencatat pertumbuhan sifar, meneruskan pertumbuhan sederhana 0.1 peratus pada 2019.
7. Malaysia mempunyai kira-kira empat juta pekerja asing, yang mana hanya kira-kira 1.7 juta didokumenkan. Mereka dijangka mendapat sekurang-kurangnya upah minimum, yang telah meningkat kepada RM 1,100 sebulan pada Januari tahun lepas.
8. Menurut laporan oleh The World Bank, Indonesia terdiri 40% daripada jumlah pekerja asing di Malaysia, diikuti oleh Nepal (22%) dan Bangladesh (14%).

**Maklumbalas Bahagian:**

1. Pemantauan berterusan bagi sektor utama dan pertumbuhan-pertumbuhan berprofil tinggi dalam survei pembuatan bulanan rujukan Februari-Mac 2020 survei pembinaan suku tahun pertama 2020.

E. Bahagian Perangkaan Imbangan Pembayaran (DOSM)			
Bil	Akhbar	Ringkasan	Pautan
1.	Bernama	<p><b>RAM Ratings jangka eksport Malaysia meningkat pada Februari 2020</b></p> <p>Eksport Malaysia dijangka melonjak 16.3 peratus pada Februari 2020 (Januari: -1.5 peratus) yang didorong oleh kesan asas rendah dan <i>front-loading orders</i>. Import juga dijangka meningkat bagi Februari pada kadar perlahan 1.4 peratus (Januari: -2.4 peratus) yang membawa kepada lebih dagangan sebanyak RM21.2 bilion. Di ASEAN, eksport Singapura adalah yang paling terdedah kepada gangguan bekalan AS di mana 5.9 peratus eksport kasar Singapura adalah daripada input nilai tambah dari AS yang datang dari Malaysia pada 3.8 peratus.</p>	<a href="https://www.bernama.com/bm/ekonomi/news.php?id=1827727">https://www.bernama.com/bm/ekonomi/news.php?id=1827727</a>
2.	Bernama	<p><b>Keck Seng gantung operasi hotel luar negara</b></p> <p>Keck Seng (Malaysia) Bhd telah menutup sementara tiga hotel di Amerika Syarikat dan Kanada serta menggantung perkhidmatan dan kemudahan yang tidak penting di resort golfnya di Johor bagi mematuhi arahan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) di Malaysia dan perintah sekatan seperti yang diumumkan oleh New York City dan Toronto.</p>	<a href="https://www.bernama.com/bm/ekonomi/news.php?id=1827610">https://www.bernama.com/bm/ekonomi/news.php?id=1827610</a>

3.	<b>The Star</b>	<p><b>Sapura Energy up 6% on talks to refinance debt</b></p> <p>SAPURA ENERGY BHD saw its shares rose over 6% in early trade after the company said it is currently in discussion with banks to refinance borrowings. Sapura Energy said it was currently in discussions with banks to refinance its borrowings and that these lenders are supportive of the company's refinancing plans.</p>	<p><a href="https://www.thestar.com.my/business/business-news/2020/04/02/quick-take-sapura-energy-up-6-on-talks-to-refinance-debt">https://www.thestar.com.my/business/business-news/2020/04/02/quick-take-sapura-energy-up-6-on-talks-to-refinance-debt</a></p>
4.	<b>The Star</b>	<p><b>Asian stocks slip as global recession looms</b></p> <p>Asian equity markets and crude oil looked set for further losses on Thursday, after a dire warning about the U.S. coronavirus death toll and mounting evidence the fast-spreading disease has sent the world economy hurtling into a deep recession. Stocks on Wall Street fell more than 4% as the warning of a potentially massive death toll and growing evidence of a deep economic downturn reinforced expectations that corporate results will suffer in the first quarter and then turn sharply lower. Oil prices fell after U.S. crude inventories rose last week by the most since 2016, while gasoline demand suffered its biggest weekly drop ever.</p>	<p><a href="https://www.thestar.com.my/business/business-news/2020/04/02/asian-stocks-slip-as-global-recession-looms">https://www.thestar.com.my/business/business-news/2020/04/02/asian-stocks-slip-as-global-recession-looms</a></p>
<p>Penemuan penting &amp; isu:</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Eksport Malaysia pada Februari 2020 dijangka meningkat kepada 16.3 peratus (Januari: -1.5 peratus). Import turut dijangka meningkat tetapi pada kadar perlahan, 1.4 peratus (Januari: -2.4 peratus). Lebihan dagangan dijangkakan sebanyak RM21.2 bilion.</li> </ol>			

2. Keck Seng Bhd telah membuat penutupan sementara bagi tiga hotelnya di Amerika Syarikat dan Kanada, serta resort golfnya di Johor seiring dengan arahan sekatan pergerakan.
3. Saham Sapura Energy Berhad naik 6% selepas berita tentang rundingan untuk mendapat pinjaman daripada bank telah diumumkan.
4. Pasaran saham Asia terjejas akibat daripada berita kes wabak COVID-19 di Amerika Syarikat yang semakin naik dan juga kebimbangan bahawa kemerosotan ekonomi akan berlanjutan untuk jangka masa yang lebih panjang.

**Maklumbalas Bahagian:**

